



Hazman (kanan) menunjukkan tempat penemuan rangka manusia tertua di dalam Gua Bawah.



(Foto BERNAMA)

Peserta UMT melihat batu kapur di dalam Gua Bawah ketika membuat tinjauan di gua berkenaan di Tasik Kenyir baru-baru ini.

BH ms 78 03/09/2019

## Terengganu perlu proaktif jadikan Tasik Kenyir Taman Geo

**Kuala Berang:** Kerajaan Terengganu disaran mengambil tindakan proaktif dalam menjadikan kawasan Tasik Kenyir sebagai Taman Geo (Geo-Park) bagi memastikan warisan semula jadi serta kesan sejarah terus kekal.

Pengerusi Program Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Hazman Samsudin, berkata tindakan itu juga mampu menjana pendapatan penduduk sekitar menerusi aktiviti ekopelancongan.

Bercakap kepada BERNAMA selepas melakukan tinjauan di Gua Bawah, yang berada di sekitar Tasik Kenyir, di sini baru-baru ini, beliau berkata, pelan men-

jadikan Tasik Kenyir sebagai Taman Geo wujud sejak 2011, namun belum direalisasikan sehingga kini.

“Perisytiharan Tasik Kenyir sebagai Taman Geo akan menarik minat pelabur asing, selain membuka peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk.

“Berdasarkan kajian demografi yang dijalankan oleh UMT terhadap komuniti Tasik Kenyir, beliau semakin berhijrah ke kawasan bandar bagi mencari peluang ekonomi yang lebih baik dan ini memberi kesan negatif terhadap pembangunan sosioekonomi setempat,” katanya.

Hazman berkata, berikutan penghijrahan itu banyak tanah

kebun terbiar dan tidak diusahakan, malah ada yang terpaksa mengupah warga Indonesia dan Bangladesh.

“Jadi kalau tak ada campur tangan kerajaan, peluang ekonomi makin tidak ada di sini dan yang tua makin ‘hilang’, siapa yang akan tinggal di sini? Lama kelamaan warisan kita di sini akan hilang,” katanya.

Mengambil contoh Pulau Langkawi, Hazman menjelaskan jumlah kemasukan pelancong di pulau itu melonjak tinggi selepas ia diisytiharkan sebagai Taman Geo.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan perisytiharan Tasik Kenyir sebagai Taman Geo tidak

akan membebankan mana-mana pihak atau menjejaskan pendapatan sedia ada kerana tidak membabitkan pewartaan.

“Tidak membabitkan pewartaan. Berbeza dengan Warisan Dunia yang membabitkan pewartaan, perniagaan akan berjalan seperti biasa.

“Maknanya kalau kita ada kuari di sana, tempat membalak teruskan membalak. Tapi jangan membalak di kawasan yang dikenal pasti ada sejarahnya seperti Gua Bawah.

“Ini kita sudah kenal pasti sebagai tapak warisan Gua Bawah, ada ‘Bawah Man’ dan sebagainya, jadi jangan membalak. Tapi kawasan lain nak membalak, mem-

balaklah,” katanya.

Sehubungan itu, Hazman berharap cadangan berkenaan dapat diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan negeri, terutama dalam memastikan kelangsungan sumber warisan dan peningkatan industri pelancongan.

Tasik Kenyir yang mempunyai keluasan 209,199 hektar adalah tasik buatan terbesar di Asia Tenggara dan menjadi habitat kepada ribuan spesies flora dan fauna.

Ia juga adalah lokasi di mana fosil dinosaur ditemukan, selain penemuan rangka manusia tertua di Malaysia dikenali sebagai ‘Bawah Man’ - yang berusia 16,000 tahun.